

# KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

Pernah orang bertanya kepada kita apakah sebabnya maka anak-anak dagang itu lebih maju dan lebih senang daripada kita dan orang-orang kita sendiri umumnya tidak boleh bersaing atau seimbang dengan mereka itu. Kehidupan kita terdesak dan berbagai-bagai lagi.

Di dalam perkembangan-perkembangan yang lalu, kerana kelemahan kita, kita selalu pula menyalahkan orang lain, seperti penjajah, kerana kelemahan kita itu. Tetapi kalau kita berfikir dengan tenang maka sebelum kita menyalahkan orang lain maka moleklah terlebih dahulu kita mengkaji hal ehwal dan kebiasaan diri kita sendiri.

Lazimnya yang menjadi sebab kelemahan kita terbahagi kepada beberapa perkara seperti di bawah ini:

1. Kekurangan kesungguhan
2. Kekurangan keahlian
3. Kurang cergas
4. Lemah semangat
5. Cuai

Orang-orang kita, di dalam sesuatu pekerjaan nampak benar baharu-baharu bekerja sahaja bersungguh-sungguh tetapi apabila mendapat sedikit rintangan maka mulailah ia lemah. Ia tidak tahan menahan rintangan atau percubaan hidup terutamanya di dalam berusaha. Ia tidak mau meneruskan usahanya bersungguh-sungguh apabila sahaja tersua dengan sesuatu hal yang menghalangnya. Jadi baharu sahaja

segala usaha atau pekerjaan berjalan, ia sudah setengah hati menjalankannya.

Banyak pula orang-orang kita terus mau membuka sesuatu perusahaan tetapi di dalam usaha itu sendiri ia tidak ahli di dalam sesuatu usaha itu. Ia, sebelum berusaha, tidak mau mempelajari dahulu atau berlatih di dalam usaha yang bakal dijalankannya itu dan kerana itu di dalam memulai sesuatu pekerjaan atau perusahaan ia baharu ia meningkat kepada berlatih sahaja di dalam pekerjaan itu. Sebab itulah banyak usaha orang-orang kita kerana kurang keahlian terus sahaja ia mundur dan jalannya setengah-setengah sahaja dan banyak daripadanya yang binasa. Inilah yang menjadi sebab mengapa syarikat-syarikat bangsa kita yang disokong rakyat jatuh; sebabnya tidak lain, pengelolanya hanya ahli di dalam bercakap tetapi tidak ahli di dalam melaksanakan kerja-kerjanya.

Perkara yang lebih besar merosak di dalam usaha atau kedudukan orang-orang kita ialah kita kurang cergas di dalam menjalankan kerja-kerjanya. Ia tidak memandang dan memerhatikan sangat perkara-perkara yang kecil-kecil padahal perkara-perkara yang kecil-kecil itu kerap benar membawa kepada kerosakan dan kedudukan kita masa hadapan. Kerja yang boleh disiapkan hari ini, selalu ditangguhkan kepada esok sehingga tiap-tiap usaha kita itu terbagi atau tertinggal terus kebelakang dan akhirnya merosakkan kepada diri kita sendiri.